




JABATAN MUFTI NEGERI PERLIS

RISALAH RINGKAS PANDUAN & ADAB KORBAN





Kandungan



Pengertian Korban

1

Hukum Menyembelih Korban

1 - 3

Waktu Menyembelih

3 - 4

Syarat Haiwan Korban

4 - 5

Perkara Yang Ditegah Bagi Mereka Yang Hendak Berkorban

6

Cara Menyembelih

6 - 7

Membahagi Daging Korban

7 - 8

Adab – Adab Berkorban

9





RISALAH RINGKAS PANDUAN & ADAB KORBAN

Pengertian Korban

Korban di dalam istilah feqahnya disebut *al-Udhiyyah* (الأضحية) yang ditakrifkan oleh ahli feqah ialah :

مَا يُذْبَحُ فِي أَيَّامِ الْأَضْحَى مِنَ الْإِبِلِ وَالْبَقَرِ وَالْغَنَمِ تَقَرُّبًا إِلَى اللَّهِ تَعَالَى

Terjemahannya: “Binatang yang disembelih pada hari raya Adha terdiri daripada unta, lembu dan kambing bertujuan taqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah”.

Hukum Menyembelih Korban

Para ulama bersepakat bahawa berkorban ialah amalan yang disyariatkan bagi mereka yang mampu melakukannya, juga mereka yang mempunyai binatang untuk berkorban. Tetapi mereka tidak bersepakat di dalam menentukan hukum berkorban.


Pendapat pertama:

Sunat Muakkad, iaitu amalan berkorban sangat dituntut oleh Islam. Inilah pendapat yang dipegang oleh Jumhur (sebahagian besar) para ulama. Antaranya mazhab Syafi'e, Maliki, dan pendapat yang masyhur dari mazhab Hanbali.

Dalilnya :

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضَحِّيَ فَلَا يَأْخُذْ مِنْ شَعْرِهِ وَلَا مِنْ أَظْفَارِهِ شَيْئًا حَتَّى يُضَحِّيَ

Terjemahannya: Dari Ummu Salamah RA bahawasanya Nabi SAW bersabda: “Apabila masuk sepuluh hari (awal bulan Zulhijjah) dan sekiranya salah seorang kamu hendak melakukan korban, maka janganlah dia memotong rambut dan kukunya sehinggalah telah selesai berkorban”. (HR al-Imam Muslim)





Di dalam hadis inenunjukkan hukum berkorban tidaklah wajib kerana Nabi SAW bersabda yang bermaksud “*sesiapa yang hendak melakukan korban, maka janganlah dia memotong rambut dan kukunya sehinggalah telah selesai berkorban.*” Difahami dari perkataan sesiapa yang hendak melakukan korban ialah membawa pengertian keharusan atau diberi pilihan dan bukan suatu perintah wajib. Oleh itu kepada mereka yang tidak melakukan korban maka tidaklah ditegah dari memotong rambut dan kukunya apabila masuk satu Zulhijjah.

Pendapat kedua:

Wajib menurut mazhab Hanafi dan salah satu riwayat dari Imam Ahmad.

Dalilnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ
وَأَمْ يُضَحِّ فَلَا يَقْرَبَنَّ مُصَلَّانَا

Terjemahannya: Dari Abu Hurairah R.A beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: “*Barangsiapa yang mempunyai keluasan rezeki tetapi tidak berkorban, maka janganlah dia sekali-kali mendekati tempat solat kami*”. (HR Imam Ibn Majah, dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani)

Maksud jangan mendekati tempat solat kami ialah kepada mereka yang berkemampuan tetapi tidak melakukan korban. Maka Nabi SAW menegah mereka menghadiri solat hari raya Adha bersama baginda memberi isyarat meninggalkan suatu kewajipan iaitu berkorban. Sekiranya korban itu tidak diwajibkan, mengapakah Nabi SAW melarang untuk datang bersolat hari raya bersamanya kepada mereka yang tidak melakukannya sedangkan mampu untuk berbuat demikian. Dalam hadis lain Baginda SAW bersabda :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ عَلَى كُلِّ أَهْلِ بَيْتٍ فِي كُلِّ عَامٍ أُضْحِيَّةٌ

Terjemahannya: “*Wahai manusia, ketahuilah wajib atas setiap keluarga berkorban setiap tahun*” (HR Imam Abu Dawud, al-Tirmizi, Ibn Majah juga dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani)

Hadis ini merupakan perintah dari baginda dan ia menunjukkan kewajipan melakukan ibadah korban bagi setiap keluarga dan ianya dilakukan setiap tahun bagi mereka yang berkemampuan. Selain itu





Baginda SAW juga tidak pernah meninggalkan syariat berkorban pada setiap tahun selama 10 tahun baginda hidup di Madinah.

Walau bagaimanapun, kedua-dua pendapat para ulama ini sama ada yang mewajibkannya atau yang berpendapat ianya sunat muakkad, memberi faedah bahawasanya ibadat korban ini sangat disuruh oleh Islam kepada mereka yang mampu untuk melakukannya.

Waktu Menyembelih Korban

Waktu menyembelih haiwan korban ialah setelah melaksanakan solat hari raya Adha (Raya Haji) sehingga ke akhir hari *Tasyriq* iaitu 13 Zulhijjah. (hari raya haji sehingga sebelum tenggelam matahari hari raya ke 4)

Nabi SAW bersabda :

مَنْ كَانَ ذَبْحَ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ فَلْيَذْبَحْ أُخْرَى مَكَانَهَا وَمَنْ لَمْ يَذْبَحْ فَلْيَذْبَحْ
بِاسْمِ اللَّهِ

Terjemahannya: “Sesiapa yang menyembelih korban sebelum Solat Idul Adha maka hendaklah dia menyembelih korban lain sebagai gantinya, dan sesiapa yang belum menyembelih maka hendaklah dia menyembelih dengan bismillah (menyebut nama Allah)” (HR al-Imam al-Bukhari dan al-Imam Muslim)

Hadis ini menjelaskan waktu untuk menyembelih haiwan korban ialah setelah selesai solat hari raya. Sekiranya sesiapa yang melakukan penyembelihan sebelum dari solat hari raya ianya tidak dikira sebagai daging korban, tetapi hanya dikira sebagai daging biasa sahaja.

Ini seperti yang terjadi kepada salah seorang sahabat Nabi SAW yang bernama Abu Burdah RA ketika beliau menyembelih kambingnya sebelum solat hari raya, lalu Rasulullah SAW bersabda kepadanya :

شَاتُكَ شَاهُ لَحْمٍ

Terjemahannya: “Kambingmu (yang telah disembelih sebelum solat hari raya Adha) ialah daging biasa (bukan daging Korban)”. (HR al-Imam al-Bukhari dan al-Imam Muslim)





Rasulullah SAW bersabda :

كُلُّ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ ذَبْحٌ

Terjemahannya: “Kesemua hari Tasyriq itu ialah (waktu menyembelih (korban)” (HR al-Imam Ahmad, Ibn Hibban, al-Baihaqi, dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani)

Daging korban disunatkan untuk dibahagi tiga bahagian. Satu bahagian untuk dimakan bersama ahli keluarga, satu bahagian lagi untuk disedekahkan dan bahagian yang satu lagi diberi sebagai hadiah.

Syarat Haiwan Korban

- 1- Haiwan yang disyaratkan untuk berkorban ialah haiwan ternakan yang terdiri dari unta, lembu/kerbau dan kambing.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Haj ayat 34 :

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنَ الْبَيْمَةِ الْأَنْعَامِ
فَإِلهِكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا

Terjemahannya: “Dan tiap-tiap umat kami syariatkan penyembelihan (korban) supaya mereka mengingat nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzekikan kepada mereka”.

Perkataan *al-An'am* yang bermaksud haiwan ternakan di dalam bahasa arab merujuk kepada unta, lembu/kerbau dan kambing. Adapun haiwan-haiwan seperti kuda, rusa dan selainnya tidak termasuk di dalam pengertian *al-An'am*.

- 2- Haiwan yang hendak dikorban hendaklah mencapai umur yang ditentukan oleh syara'. Nabi SAW bersabda :

لَا تَذْبَحُوا إِلَّا مُسِنَّةً إِلَّا أَنْ يَعْسُرَ عَلَيْكُمْ فَتَذْبَحُوا جَذْعَةً مِنَ الضَّأْنِ

Terjemahannya: “Jangan kamu menyembelih korban kecuali musinnah, kecuali sekiranya kamu menghadapi kesusahan (untuk mendapatkannya) maka boleh kamu menyembelih kambing yang Jaz'ah”. (HR al-Imam Muslim)





Jaz'ah bermaksud: kambing yang umurnya telah sempurna 6 bulan¹.

Musinnah di dalam hadis adalah *al-Thaniyyah* iaitu merujuk kepada haiwan ternakan seperti unta, lembu dan kambing yang telah gugur gigi hadapannya.²

Umur *musinnah* bagi haiwan yang sah untuk dijadikan korban ialah:

- ✓ Unta yang *musinnah* ialah yang telah cukup umur 5 tahun.
- ✓ Lembu/kerbau yang *musinnah* ialah lembu yang berumur cukup 2 tahun.
- ✓ Kambing yang *musinnah* ialah kambing yang cukup 1 tahun³.

3- Hendaklah haiwan yang dijadikan untuk korban tidak cacat dan berpenyakit. Yang lebih utama atau baik (*afdhal*) ialah yang gemuk dan banyak dagingnya. Diriwayatkan daripada sahabat Nabi SAW al-Bara' bin 'Azib RA :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ مَاذَا يُتَّقَى مِنَ الضَّحَايَا؟ فَأَشَارَ
بِيَدِهِ فَقَالَ أَرْبَعًا، الْعَرَجَاءُ الْبَيِّنُ ظَلْعُهَا وَالْعَوْرَاءُ الْبَيِّنُ عَوْرُهَا وَالْمَرِيضَةُ الْبَيِّنُ
مَرَضُهَا وَالْعَجْفَاءُ الَّتِي لَا تُنْقِي

Terjemahannya: “Bahawasanya Rasulullah SAW ditanya berkenaan haiwan yang tidak boleh dijadikan korban, maka baginda mengisyaratkan tangannya sambil berkata ada empat jenis. Haiwan yang cacat dan kecacatannya yang amat jelas kelihatan, yang buta sebelah matanya dan kebutaannya amat jelas kelihatan, yang sakit dan kesakitannya amat jelas kelihatan, dan yang akhir, haiwan yang lemah atau yang kurus”. (HR Imam Abu Dawud, Tirmizi, Nasa’ie, dinilai sahih oleh al-Syaikh al-Albani)

¹ Berdasarkan pandangan ulama mazhab Hanbali

² *Mu'jam Lughah al-Fuqaha* 134

³ Inilah pandangan majoriti ulama melainkan ulama mazhab Syafi'ie yang berpandangan umur *musinnah* bagi kambing ialah yang telah sempurna dua tahun.





Perkara Yang Ditegah Bagi Mereka Yang Hendak Berkorban

Bagi sesiapa yang hendak melakukan ibadah korban, janganlah dia memotong rambut dan kukunya sehingga dia telah menyembelih haiwan korbannya. Dalilnya seperti di dalam hadis yang telah disebutkan sebelum ini :

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضَحِّيَ فَلَا يَأْخُذْ مِنْ شَعْرِهِ وَلَا مِنْ أَظْفَارِهِ شَيْئًا حَتَّى يُضَحِّيَ.

Terjemahannya: Dari Ummu Salamah RA bahawasanya Nabi SAW bersabda: “Apabila masuk sepuluh hari (awal bulan Zulhijjah) dan sekiranya salah seorang kamu hendak melakukan korban, maka janganlah dia memotong rambut dan kukunya sehinggalah telah selesai berkorban”. (HR al-Imam Muslim)

Majlis Fatwa Tetap Arab Saudi yang diketuai oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz *Rahimahullah*, berpendapat bahawa hadis ini membawa pengertian tegahan iaitu haram kepada mereka yang berniat melakukan korban untuk memotong rambut dan kukunya sehinggalah dia selesai melakukan ibadat tersebut. (Fatwa Lajnah Daimah lil Buhuth al-Ilmiyyah wal Ifta’ jilid 11, Fatwa no. 1407)

Tetapi tidak ada *kaffarah* (denda) dikenakan bagi sesiapa yang tidak sengaja memotong rambut dan kukunya sebelum melakukan korban.

Cara Menyembelih

Hendaklah sembelihan dilakukan dengan menggunakan pisau yang tajam. Ucapkanlah *Bismillah wallahu akbar* “Bismillah wallahu akbar” (dengan nama Allah dan Allah Maha Besar), membaringkan haiwan tersebut pada sisi kirinya kerana yang demikian mudah bagi si pemyembelih memegang pisau dengan tangan kanannya, dan menahan lehernya dengan tangan kiri. Inilah juga yang dilakukan oleh Nabi SAW.

Daripada Anas bin Malik RA beliau berkata :

ضَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ، أَمْلَحَيْنِ، أَفْرَنَيْنِ ذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ،
وَسَمَّى وَكَبَّرَ، وَوَضَعَ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا

Terjemahannya: “Nabi SAW menyembelih sendiri dua ekor kibashnya yang bagus dan bertanduk. Baginda mengucapkan





basmalah dan bertakbir dan meletakkan kakinya di samping lehernya.” (HR al-Imam al-Bukhari dan Muslim)

Disunnahkan bagi yang berkorban, menyembelih sendiri sembelihannya. Tetapi sekiranya dia tidak mahir melakukannya bolehlah baginya mewakili kepada orang lain untuk menyembelih korbannya.

Membahagikan Daging Korban

Bagi yang berkorban disunnahkan untuk memakan daging korbannya, menghadiahkan kepada saudara kaum kerabatnya, bersedekah kepada fakir miskin, dan menyimpannya untuk perbekalan lebih dari 3 hari.

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Hajj ayat 28 :

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

Terjemahannya: “Makanlah kamu dari daging binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah (yang fakir miskin)”.

Nabi SAW bersabda:

وَعَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كُلُوا وَأَطْعِمُوا وَادَّخِرُوا

Terjemahannya: Daripada Salamah bin Akwa’ RA bahawasanya Nabi SAW bersabda: “Makanlah, dan beri makanlah serta simpanlah untuk bekalan”. (HR al-Imam Al-Bukhari)

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: كُلُوا وَادَّخِرُوا وَتَصَدَّقُوا

Terjemahannya: Daripada Aisyah RA bahawasanya Nabi SAW bersabda: “Makanlah dan simpanlah, juga bersedekahlah”. (HR al-Imam Muslim)

Memberi makan termasuk menghadiahkan kepada orang yang kaya, adapun bersedekah adalah pemberian yang diberikan kepada orang yang miskin. Para ulama berselisih pendapat kadar yang





dimakan oleh orang yang berkorban dan juga kadar hadiah serta sedekah.

Syeikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin menyatakan syarak memberikan keluasan atau kelonggaran terhadap kadar daging korban yang hendak dimakan atau disedekahkan, tetapi pendapat yang terpilih ialah (sunnat) 1/3 untuk dimakan, 1/3 dihadiahkan dan 1/3 lagi disedekahkan.

Diharamkan untuk menjual sesuatu pun daripada korban tersebut sama ada daging sehinggalah kulitnya.

Tukang sembelih tidak boleh diberikan daging korban tersebut atas dasar upah kepada pekerjaannya. Diriwayatkan dari sahabat Nabi SAW iaitu Ali bin Abi Talib RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ لَا أُعْطِيَ الْجَازَرَ مِنْهَا شَيْئًا

Maksudnya: Rasulullah SAW memerintahkan aku supaya tidak memberikan kepada tukang potong sedikitpun dari korban (sebagai upah).” (HR al-Imam al-Bukhari)

Ini kerana sekiranya diberikan daging korban sebagai upah pekerjaannya maka perbuatan seperti ini seolah-olah menjual daging korban untuk membeli tenaga kerja yang telah dilakukan oleh tukang sembelih tersebut, sedangkan daging korban tidak boleh dijual beli.

Maka tukang sembelih diberi upah selain daging korban seperti wang ringgit dan sebagainya oleh orang yang berkorban. Walau bagaimanapun tukang sembelih boleh mendapatkan daging korban sama seperti orang lain, sama ada dari bahagian pemberian hadiah atau sedekah yang diagih-agihkan kepada orang ramai.

Berhubung pemberian daging korban kepada orang kafir, Majlis Fatwa Tetap Arab Saudi memfatwakan harus diberikan kepada orang kafir kerana kemiskinan atau kerana berjiran dan juga untuk mendekatkan mereka kepada Islam. Tetapi tidak diberi kepada kafir yang memerangi Islam. (Fatawa Lajnah Daimah, jilid 11, fatwa no. 1997)





Adab-Adab Korban

Menyembelih korban mempunyai adab yang sepatutnya di ambil perhatian :

1. Menghadap ke arah kiblat ketika menyembelih.
2. Berlaku ihsan kepada haiwan yang hendak disembelih, iaitu dengan menggunakan pisau yang tajam dan dilakukan dengan kuat dan cepat. Sebahagian ulama mengharamkan penggunaan pisau yang tumpul.
3. Memastikan terputusnya halkum (saluran pernafasan) dan urat marikh.
4. Tidak mengasah pisau di hadapan haiwan yang akan disembelih, juga tidak menyembelih di hadapan haiwan lain yang menunggu giliran seterusnya.
5. Tidak melakukan sesuatu yang menyakitkan haiwan yang sudah disembelih sebelum haiwan tersebut benar-benar mati. Seperti memotong mana-mana anggota haiwan tersebut sebelum haiwan benar-benar mati.
6. Bertakbir selepas membaca basmalah ketika menyembelih haiwan korban seperti membaca *بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ* .

Wallahu Ta'ala A'lam.

